

Anak taat dibenci keluarga

Soalan

SAYA berumur pertengahan 20-an dan anak pertama dalam keluarga. Selepas tamat belajar di sebuah institusi, saya mendapat pekerjaan yang baik di jabatan kerajaan di ibu kota.

Sebagai insan biasa, naluri cinta membawa saya menjalin hubungan dengan seorang gadis dari golongan berada. Cinta yang dibina selama beberapa tahun menjadikan kami semakin serasi namun panas tidak sampai ke petang.

Pada awal tahun ini, satu kejadian memilukan berlaku. Ibu yang amat saya sayangi meninggal dunia. Sepanjang ibu sakit lebih setahun, saya yang menjaganya serta adik-adik.

Bapa pula meninggalkan ibu selepas mengetahui ibu mendapat sakit itu. Saya menjaga ibu hingga ke akhir hayat.

Dengan semangat yang kuat saya teruskan dugaan ini dengan mengorbankan hasrat tidak menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi bagi menjaga adik-adik.

Macam-macam pekerjaan saya buat untuk mendapatkan duit bagi menampung perbelanjaan saya dan adik-adik. Alhamdulillah kami sentiasa dimurahkan rezeki.

Cerita mengenai kehidupan saya dan adik-adik diceritakan gadis ini kepada keluarganya dan hubungan kami mendapat tentangan hebat dari keluarga sebelah gadis dengan alasan hidup teman wanita akan mendapat kesusahan jika berkahwin dengan saya.

Apabila saya mengetahui, hati saya hancur dan tertekan.

Hanya Tuhan tahu betapa sedihnya hati ini. Saya tiada niat mempergunakan kemewahan keluarganya untuk kepentingan sendiri kerana saya juga mempunyai rumah, kereta dan kewangan sendiri serta adik-adik lain juga mendapat bantuan.

Saya membuat kerja sampingan bagi menampung kehidupan kami agar lebih selesa.

Sekarang, saya buntu bila mengenangkan nasib diri. Mengapa ada orang yang tidak dapat menerima diri saya seadanya.

Saya dan adik-adik cuma perlukan kasih sayang

Hidup ini memang penuh dengan dugaan. Adakalanya, jalannya penuh berliku sehingga sukar untuk melihat penghujungnya. Perjalanan berliku, apabila berjaya dilalui boleh membentuk diri menjadi kental dan lebih matang. Sama-sama kita berdoa perjalanan hidup adik menjadi lebih mudah dan segala permasalahan dapat dileraikan.

seorang wanita yang ikhlas menerima kami. Saya tahu perjalanan hidup masih panjang dan saya masih lagi muda untuk memikirkan soal perkahwinan.

Tapi saya harus merancang masa depan dengan baik agar hidup saya teratur dan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Saya terima dugaan ini dengan hati terbuka.

Persoalannya, perlukah saya datang berjumpa dengan keluarga teman wanita untuk menyatakan hasrat mengahwini anaknya atau berbincang secara aman.

Kini, situasi menjadi tegang apabila teman wanita saya tidak bertegur-sapa dengan keluarganya. Saya rasa bertanggungjawab memperbetulkan perbalahan itu.

Bantulah saya.

JEJAKA RUNSING,
Kuala Lumpur.

Jawapan

TERIMA kasih kerana sudi berkongsi cerita. Keluhan cerita bersifat terputik dan antara jalan kepada kepada pengubat luka. Memendam perasaan akan menambahkan lagi keperitan hidup. Apabila bercerita, apa yang disimpan akan dikongsi bersama.

Dr memahami perasaan cinta adik kepada kekasih kerana ia adalah suatu anugerah. Menyakiti kekasih adalah suatu larangan dan mendampinginya adalah suatu kebahagiaan Akhirnya, meninggalkan kekasih adalah suatu kelukaan.

Hidup ini memang penuh dengan dugaan. Adakalanya, jalannya penuh berliku sehingga sukar untuk melihat penghujungnya.

Perjalanan berliku, apabila berjaya dilalui boleh membentuk diri menjadi kental dan lebih matang. Sama-sama kita berdoa perjalanan hidup adik menjadi lebih mudah dan segala permasalahan dapat dileraikan.

Adik anak sulung dalam keluarga. Anak sulung sering dilihat bakal pengganti ibu bapa sekiranya mereka tiada. Mereka lebih matang bagi memimpin keluarga.

Bagaimanapun dalam sesetengah keluarga, jika anak sulung tidak dapat menjalankan tanggungjawab, peranannya akan diganti oleh anak yang lain.

Dr gembira dengan ciri personaliti adik yang meletak keluarga sebagai keutamaan hidup. Sebelum ibu meninggal, adik menggalas tanggungjawab menjaganya serta adik-adik selama beberapa tahun. Dr ucapkan tahniah kerana adik melakukan satu tanggungjawab yang mulia.

Adik sanggup tidak menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan melakukan bermacam-macam pekerjaan untuk mendapatkan duit lebih bagi menampung perbelanjaan.

Ini juga satu ciri yang menunjukkan adik seorang abang bertanggung jawab,

Dalam agama, melakukan kebaikan kepada ibu bapa adalah satu perintah Allah SWT kepada setiap Muslimin dan Muslimat. Seorang anak hendaklah tahu menghargai budi dan jasa ibu bapa tanpa mengharapkan apa-apa balasan.

Firman Allah SWT yang bermaksud, "...dan Tuhanmu memerintahkan supaya engkau tidak menyombong melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau keduanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan pemeliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan 'Ah', dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)." (Surah al-Isra' ayat 23)

Sikap keluarga teman

wanita mempunyai rasional tersendiri. Memahami apa yang dirasakan oleh mereka dapat meringankan perasaan derita adik. Tentu sukar bagi mereka untuk memikirkan anak yang selama ini hidup dengan kemewahan perlu menjalani kehidupan sukar.

Naluri semula jadi ibu bapa terhadap anak menyebabkan mereka tidak mahu apa-apa yang sukar berlaku kepada si anak. Kata pepatah "sekiranya ada alat yang boleh mengukur kasih sayang ibu pastinya tak terbaca alat itu kasih dan sayangnya seorang ibu kepada anak-anaknya kerana setiap kali ia ingin mengukurnya, saya yakin bacaannya akan sentiasa melebihi had ukuran alat itu".

Kesediaan adik untuk berbincang menunjukkan betapa seriusnya adik dalam perhubungan dengan kekasih. Perbincangan membuka kepada pelbagai kemungkinan.

Namun, ia satu usaha yang baik di pihak adik dan keluarga teman wanita. Ia membuka ruang kepada kedua-dua pihak mengetahui cerita sebenar dan tindakan terbaik boleh diambil.

Dr sangat gembira jika perbincangan membawa kepada keputusan yang seperti adik inginkan. Namun, realiti kehidupan ialah segalanya mungkin.

Dr juga melihat adik sudah bersedia dengan segala kemungkinan itu. Ini dibuktikan apabila ingin merancang masa depan dengan baik agar hidup lebih teratur dan sentiasa bersedia.

Dr melihat adik sudah dapat menerima dugaan ini dengan hati terbuka andai hanya ini rezeki adik dan keluarga.

Sekiranya segala usaha sudah dilakukan untuk memenangi hati keluarga teman wanita tapi masih gagal dan adik tidak dapat mengahwini kekasih hati, ia ditetapkan hidup.

Memang pilu tapi soal jodoh adalah ketetapan Tuhan. Jika adik benar-benar menyayangi teman wanita dan jika tiada jodoh, lepaskannya dan doakan yang terbaik untuknya.